

Submission date: 11/10/2016

Accepted date: 20/03/2017

**KONSEP PENGAJARAN AKIDAH KEPADA KANAK-KANAK
MENURUT AL-QURAN DAN IMAM GHAZALI BERASASKAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)**

*Teaching the Concept of Faith to Children According to the Quran and Imam
Ghazali Based on High Order Thinking Skills (HOTS)*

Mohd Syaubari Bin Othman & Ahmad Yunus Bin Kassim
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

syaubari@gmail.com
Yunus@fsk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Objektif utama kajian ialah mengkaji berkaitan konsep pengajaran akidah bersandarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) kepada kanak-kanak menurut perspektif al-Quran dan Abu Hamid Muhammad b Muhammad Al-Ghazzali (505h/1111m). Kajian ini memperincikan setiap pendekatan yang terdapat di dalam al-Quran dan pentafsiran oleh Imam al-Ghazali serta perkaitannya dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kajian ini berbentuk penyelidikan kepustakaan dan bersifat kualitatif. Metodologi pengumpulan data menggunakan kitab al-Quran sebagai sumber primer dan proses penganalisan data menggunakan metod analisis isi kandungan terhadap penafsiran oleh ilmuan Islam yang mempunyai kesamaan sinonim atau terangkum di dalam maksud pengajaran akidah berteraskan elemen pemikiran aras tinggi (KBAT). Dapatan kajian menghasilkan dua kerangka utama di dalam pengajaran akidah kepada kanak berasaskan al-Quran. Kerangka pertama, kaedah pengajaran dan kerangka kedua adalah proses bagaimana pengajaran akidah dilaksanakan. Kesepaduan di antara dua kerangka ini membentuk penghasilan yang berbentuk kefahaman, penghayatan dan amalan di kalangan kanak-kanak. Secara keseluruhan pengajaran akidah seharusnya menitikberatkan asas yang dibentuk daripada al-Quran dan Imam al-Ghazali bagi memastikan penghayatan dan pengamalan akidah menepati kehendak yang ditetapkan oleh Allah swt serta menepati konsep pemikiran aras tinggi (KBAT).

Kata kunci: akidah, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), al-Quran.

ABSTRACT

The main objective is to study the concept of faith based teaching higher-order thinking skills (HOTS) to children under the perspective of Quran and Imam Ghazali. This study detailing the approach contained in the Quran and interpretation by Imam Ghazali and its relationship with the concept of higher order thinking skills (HOTS). This study is a research librarian and qualitative nature. The methodology of data collection using the Quran as the primary source and the process of analyzing data using the method of content analysis to interpretation by scholars who have common synonyms or embodied in the purpose of teaching the faith-based element of higher-order thinking (HOTS). The findings resulted in two mainframe in teaching the faith to children based on the Quran. The first frame, the second frame of the teaching methods and the process of how the teaching of faith is executed. The unity between the two frame-shaped form of the understanding, appreciation and practice among children. Overall teaching the faith to emphasize that formed the basis of the Quran and Imam Ghazali to ensure that the faith and practice conform to the requirements prescribed by Allah Almighty and to the concept of higher-order thinking (HOTS)

Keywords: aqidah, higher order thinking skills (HOTS), al-Quran.

PENGENALAN.

Kajian ini membincangkan tentang pendekatan-pendekatan atau metodologi pendidikan akidah yang sesuai untuk kanak-kanak iaitu yang berumur 7 hingga 12 tahun. Pendekatan-pendekatan tersebut adalah berdasarkan pendekatan al-Quran dan juga pendekatan yang digunakan oleh tokoh ilmuan Islam iaitu Imam al-Ghazali. Kesemua ini akan di kaitkan menerusi perspektif konsep pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

PENDEKATAN AL-QURAN DI DALAM PENGAJARAN AKIDAH.

Pendekatan pendidikan akidah untuk kanak-kanak menurut al-Quran dapat dilihat seperti firman Allah swt:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah ke jalan Tuhanmu wahai Muhammad, dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka yang engkau serukan itu dengan cara yang baik; sesungguhnya Tuhanmu, Dialah jua yang lebih mengetahui orang-orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat hidayah pentunjuk (al-Nahl 16: 125).

Umumnya, ayat di atas menghuraikan tiga pendekatan pertama di dalam elemen-elemen yang perlu wujud di dalam pengajaran akidah manakala yang lain adalah menerusi tafsiran daripada ayat al-Quran yang lain.

1. Hikmat kebijaksanaan.
2. Nasihat pengajaran yang baik.
3. Bersoal jawab dengan cara yang berkesan.
4. TIKRAR (pengulangan)
5. Rehlah/lawatan.
6. Perumpaan.

Walaupun langkah terperinci tidak dinyatakan oleh al-Quran, namun ayat-ayat al-Quran sebenarnya mementingkan kepada penggunaan metodologi yang bersesuaian di dalam menanam akidah dan berdakwah kepada setiap insan. Al-Quran meletakkan tanggungjawab dan peranan yang besar kepada guru di dalam mengajar, mendidik dan menyuburkan akidah kepada pelajar bagi tahap awal persekolahan iaitu di umpamakan anak yang dilindungi daripada mendapat kemurkaan Allah swt (Ahmad Munawar, 2009; Seri Hayati, 2010). Ini seperti firman Allah swt:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu berhal; mereka itu dijaga dan dikawal oleh malai-kat-malaikat yang keras dan kasar layanannya; mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan (al-Tahrim, 66: 6).

1. Hikmah Kebijaksanaan.

Pendekatan kepada pelajar sekolah terutama peringkat sekolah rendah memerlukan hikmah kebijaksanaan di dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Ahmad Yunus, 2011). Pengajaran pendidikan akidah menggunakan pendekatan hikmah kebijaksanaan perlu bersandarkan beberapa elemen KBAT iaitu mengetahui tahap kemampuan pelajar itu sendiri, menggunakan sentuhan kasih sayang, komunikasi yang memahami, interaksi secara kerap, bahasa yang mudah dan pujian secara terus (Abdullah Nasih Ulwan, 2002; Seri Hayati, 2010). Kandungan maklumat akidah seperti *beriman kepada Allah* menggunakan pendekatan perumpamaan, perenungan dan pendengaran mengenai kejadian ciptaan Allah dan di selarikan menerusi penyampaian bersandarkan hikmah kebijaksanaan (Zainorah, 2015).

Pendekatan pengajaran akidah ini perlu dipelbagaikan, tidak terikat dengan sesuatu kaedah tertentu, menarik dan tidak membosankan bersandarkan keupayaan daya tumpuan pelajar sekolah rendah berada pada tahap yang minimum. Maka keperluan guru untuk membentuk kepercayaan penuh daripada pelajar melalui pendekatan pengajaran secara berhikmah berkeupayaan membentuk pelaksanaan amalan pengajaran guru yang berkesan (Seri Hayati, 2010; Zuraidah, 2013).

2. Nasihat Pengajaran yang Baik.

Nasihat pengajaran yang baik melibatkan tiga perkara utama iaitu meyakinkan pelajar melalui cara memujuk dan menjelaskan hal yang sebenar serta

memberi amaran berkenaan akibat buruk sekiranya ia melanggar suruhan dan larangan syariat Islam. Pendekatan yang digunakan oleh *Lukmanul Hakim* boleh dijadikan panduan di dalam mendidik pelajar melalui nasihat pengajaran dan diselarikan dengan konsep KBAT iaitu memahami, menilai, mengaplikasi dan mencipta (Al-Ghazali, 2006; Kamarul Azmi, 2010). Di sini di paparkan contoh pendekatan yang digunakan oleh *Luqmanul Hakim* seperti firman Allah swt:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنَيْهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar (Luqman, 31: 13).

Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan bahawa Luqman memulakan nasihat kepada anaknya dengan membentuk supaya menjauhkan diri daripada melakukan syirik kepada Allah. Jiwa yang suci murni mesti bersih daripada sebarang punca kerosakan dan kesesatan seperti amalan syirik, khurafat dan menilik nasib (Ibn Kathir, 2010; Abd Malik Karim, 2014). Secara keseluruhannya pengamalan pendekatan nasihat pengajaran yang baik merupakan perkara yang disarankan di dalam Al-Quran untuk diterjemahkan di dalam pengajaran akidah dan disesuaikan dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) untuk membentuk pelajar yang bukan sahaja memahami tetapi menghayati konsep akidah dengan tepat.

3. Bersoal Jawab dengan Berkesan.

Pendekatan yang seterusnya adalah pendekatan bersoal jawab atau berbahas yang merupakan pendekatan bagi mencapai matlamat sesuatu pengajaran. Pengajaran akidah khususnya, pendekatan bersoal jawab yang bersesuaian untuk peringkat awal kanak-kanak sentiasa disebutkan di dalam al-Quran secara langsung. (Abdullah Nasih Ulwan, 2002; Seri Hayati, 2010). Terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang mengaitkan di antara kaedah soal jawab dengan pengajaran akidah berasaskan proses permulaan pendidikan akidah seperti disampaikan oleh Rasulullah s.a.w melalui perantaraan Malaikat (Ibn Kathir, 2010; Abd Malik Karim, 2014). Di antara contoh pendekatan ayat al-Quran tersebut seperti firman Allah swt:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَأِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman:

“Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui” (al-Baqarah, 2:30).

Berdasarkan ayat ini malaikat telah bertanya kepada Allah tentang khalifah yang akan dilantik di muka bumi: *‘Mengapa Engkau hendak menjadikan Khalifah di muka bumi, orang yang akan membuat kerosakan padanya?’* Secara tidak langsung apabila berlakunya soal jawab ini, pernyataan pemilihan Nabi Adam sebagai khalifah dari kalangan manusia menunjukkan perintah Allah yang harus dipatuhi tentang perlantikan khalifah tersebut. Kaedah soal jawab ini merupakan respon terhadap kenyataan tersebut (Ibn Kathir, 2010; Abd Malik Karim, 2014).

4. Tikrar (Pengulangan).

Kaedah atau pendekatan ini merupakan pengaplikasian kepada guru yang memerlukan untuk bercakap secara berulang-ulang kali kepada pelajar, sebagai contoh apabila menyuruh pelajar sembahyang, tidak memadai dengan hanya sekali arahan sahaja tetapi ianya perlu sentiasa diulang-ulang. Begitu juga apabila menyuruh mereka melakukan perkara-perkara yang lain seperti berperlakuan baik, memahami perkara-perkara *sam'iyat* dan memahami isi kandungan pengajaran. Pendekatan *tikrar* ini turut diakui keberkesannya oleh para ilmuan yang tersohor di dalam menghasilkan pengetahuan (Ibn Khaldun, 2009). Selain itu, menurut (Ahmad Munawar, 2009; Norsaleha, Abd Halim & Salleh Amat, 2012) kesan daripada pengulangan sesuatu perkara akan meninggalkan pengaruh yang agak lama seperti firman Allah swt:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰذٰهَبُوْا فَتَحَسَّبُوْا مِنْ يُۤوسُفَ وَاٰخِيْهِ وَاَلَّا تٰتٰيْسُوْا مِنْ رَّوْحِ اللّٰهِ اِنَّهٗ لَا يٰتٰيْسُ مِنْ رَّوْحِ اللّٰهِ اِلَّا الْقَوْمُ الْكٰفِرُوْنَۙ

Wahai anak-anakku! Pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunyamin), dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir (Yusuf, 12: 87).

Menerusi penjelasan mengenai ayat ini, proses di dalam mendidik pelajar bagi peringkat sekolah rendah ini memerlukan guru yang mempunyai tahap kesabaran dan keimanan yang mantap bagi keberhasilan proses penerapan ke dalam jiwa pelajar. Ini merupakan langkah awal di dalam membentuk asas keupayaan oleh pelajar untuk memahami, menghayati dan menyebatkan kefahaman akidah di dalam perlakuan amalan seharian (Ahmad Yunus, 2011; Seri Hayati, 2010).

5. Rehlah/Lawatan.

Kaedah lawatan merupakan aktiviti yang memberi pendedahan kepada pelajar berdasarkan konteks situasi yang sebenar menerusi matlamat mendapat pengalaman yang bermakna dan bersifat praktikal (Ab Halim et al, 2012). Pendekatan ini bersesuaian dengan amalan pengajaran KBAT yang mengkehendaki pembelajaran dikaitkan dengan realiti semasa. Kaedah lawatan atau rehlah ini boleh diaplikasikan menerusi pengajaran akidah sebagaimana contoh peristiwa *Isra' dan Mi'raj* yang berlaku kepada junjungan

besar Muhammad s.a.w (Ahmad Yunus, 2011; Seri Hayati, 2010) seperti firman Allah s.w.t:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا
الَّذِي بُرِّغْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ ءَايَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maha suci Allah yang memperjalankan hambanya pada malam hari dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang kami berkati sekelilingnya, supaya kami perhatikan keterangan-keterangan kami kepadanya. Sesungguhnya Dia maha mendengar lagi maha melihat (al-Isra' 17: 1).

Berdasarkan peristiwa *Isra'* dan *Mi'raj*, Rasulullah s.a.w. telah dibawa ke dalam suatu misi penerokaan bersama malaikat Jibril a.s. Sewaktu *Isra'* dan *Mi'raj*, Rasulullah s.a.w telah diperlihatkan dengan pelbagai peristiwa menerusi keupayaan pancainderanya (Wahbah Zuhaily, 2009). Visualisasi ini di interpretasikan semula oleh Jibril a.s meneusi gambaran yang jelas, pengalaman yang bermakna, menguatkan daya ingatan dan keyakinan Rasulullah s.a.w (Ahmad Rejab, 2001; Ab Halim et al, 2010). Malahan kaedah *rehlah* ini juga telah menjadi tradisi para *muhaddithin* dan ilmuwan Islam. Sebagai contoh Imam al-Bukhari telah mengembara dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mengumpulkan hadith-hadith sahih. (Muhammad Atiyah, 1970; Ibn Kathir, 1986; Abd Malik Karim, 2014). Begitu juga dengan *Said Ibn Al-Musayyib* telah banyak melalui '*rehlah ilmu*' untuk mendapat sebuah hadith.

6. Perumpamaan

Menurut (Al-Ghazali, 2006; Mohd Norzi, 2013), *al-amthal* adalah ungkapan perumpamaan atau perbandingan bagi sesuatu perkara dengan sesuatu perkara lain yang telah pun diterima kenyataan, kebenarannya dan telah tersebar penggunaannya di kalangan masyarakat secara meluas. Menurut pandangan (Imam Al-Razi, 1990; Wahbah Zuhaily, 2009) di dalam huraian tafsirnya menyatakan bahawa tujuan penggunaan *amthal* ialah untuk memberi kesan yang lebih mendalam di dalam jiwa seseorang khususnya kepada kanak-kanak kerana ia menerangkan perkara yang agak sembunyi kepada yang lebih jelas dan perkara yang ghaib kepada yang dapat digambarkan dengan pancaindera seperti firman Allah swt

مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِن دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ
أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti laba-laba yang membuat rumah. Dan Sesungguhnya rumah yang paling lemah adalah rumah laba-laba kalau mereka Mengetahui (al-Ankabut 29:41).

Berdasarkan ayat di atas, Allah membuat perumpamaan kepada sesiapa yang menyembah selain Allah S.W.T. dan yang tidak memberi manfaat dan mudharat samalah keadaannya dengan rumah labah-labah yang lemah yang

tidak dapat bertahan dari panas dan sejuk. Pendekatan perumpaan ini memudahkan kefahaman pelajar kerana ianya bersifat gambaran daripada pernyataan yang bersifat abstrak (Seri Hayati, 2010; Abd Malik Karim, 2014).

PENDEKATAN IMAM GHAZALI DI DALAM PENGAJARAN AKIDAH.

Pengajaran akidah menerusi penulisan Abu Hamid Muhammad b Muhammad Al-Ghazzali (505h/1111m) di dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *Ayyuha al-walad* sebagai sumber rujukan utama di dalam kajian ini. Kedua-dua kitab ini membicarakan kaedah pendidikan akidah untuk kanak-kanak dan bersesuaian dengan pelajar sekolah rendah. Pendekatan yang disarankan oleh Imam Ghazali tersebut dalam kitab *Qawa'id al 'Aqa'id*, iaitu salah satu fasal yang terdapat di dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*. Huraian di dalam kitab ini menekankan pendidikan akidah yang mesti diajarkan kepada kepada pelajar bagi peringkat rendah ini mestilah berdasarkan tiga tahap berikut (Al-Ghazali, 2006; Seri Hayati, 2010).

1. Mestilah dimulai dengan menghafaz (menghafal kandungan akidah semata-mata)
2. Proses pengajaran seterusnya, pelajar di ajar dan dikehendaki menguasai isi kandungan akidah secara berperingkat agar kefahaman yang diperolehi dapat di adaptasi secara berstruktur disebabkan keupayaan akal pelajar pada peringkat ini adalah terhad
3. Bagi peringkat seterusnya, di iktikadkan melalui pemantauan dan pengajaran guru bagi memastikan pelajar yang telah memahami dan meneruskan kepada huraian yang mendalam, menghalusi dan menghayati isi kandungannya sehingga terbentuk akidah yang kukuh di dalam diri pelajar.

Menurut pandangan (Al-Ghazali, 2006) pendekatan penerapan akidah kepada pelajar peringkat ini adalah berbeza dengan peringkat-peringkat yang lain. Pelajar peringkat ini secara fitrah dapat menerima sesuatu tanpa perlu dalil akal bagi menyokongnya. Apa yang perlu dapat disemai dengan akidah itu adalah asas bagaimana kefahaman itu dapat dikuasai oleh pelajar bersandarkan kepelbagaian kaedah yang perlu dilaksanakan oleh guru disebabkan tahap kemampuan akal yang terbatas bagi pelajar peringkat ini (Al-Ghazali 2006; Seri Hayati, 2010).

1. Hafalan.

Peringkat pertama berdasarkan pendekatan pengajaran akidah oleh Imam Ghazali adalah menerusi kaedah hafalan iaitu pelajar disarankan menggunakan kekuatan akal untuk menyimpan segala bahan atau isi kandungan akidah di dalam minda agar apabila ianya diperlukan, bahan tersebut dapat diterjemahkan. Pendekatan ini walaupun merupakan bersandarkan elemen tradisional, namun menerusi (Al-Ghazali, 2006; Ab Halim et al, 2012) mengkehendaki pelajar memahami terlebih dahulu isi kandungan pengajaran akidah melalui kaedah hafalan untuk ke peringkat seterusnya iaitu kaedah menganalisis atau menilai. Sekiranya pelajar tidak mengetahui tentang apa yang dipelajari, maka menjadi kesukaran kepada pelajar tersebut untuk

mengaplikasi, menganalisis dan memberi justifikasi (Abdul Salam, 2003; Al-Duri, 2012).

Secara khususnya penggunaan kaedah hafalan ini menerusi pendidikan akidah untuk pelajar bagi peringkat sekolah rendah adalah bermatlamat untuk membentuk maklumat di dalam minda, bersifat berkekalan dan mempunyai asas yang kukuh sehingga apabila diperlukan, maklumat tersebut dapat dikeluarkan (Ab Halim et al, 2012).

2. Menguasai Isi Kandungan Secara Berperingkat.

Tahap kedua di dalam proses penerapan pendidikan akidah memerlukan kepada pendekatan yang tersendiri untuk menjamin ia menjadi mantap dan bertapak kukuh dalam diri seseorang terutama kepada pelajar khususnya peringkat sekolah rendah. Pelaksanaan ke arah kemantapan dan penyebatian sesuatu kepercayaan dan keyakinan di dalam diri pelajar bermatlamat sehingga ke tahap ia tidak mudah digugat oleh apa juga perkara yang mendatang dan ini bukan suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan (Al-Ghazali, 2006). Oleh itu Imam Ghazali mencadangkan beberapa pendekatan iaitu

- i) Sentiasa mengisi waktu dengan amalan ibadat seperti bersembahyang dan membaca al-Quran kerana kekuatan akidah akan terbentuk sekiranya amalan itu dilakukan secara berterusan dan bertepatan.
- ii) Sentiasa menjalinkan hubungan dengan individu yang dikategorikan berilmu dan banyak melaksanakan amal ibadat agar kesan perhubungan ini akan dapat dikongsi bersama pelajar yang sentiasa mengutamakan ikutan atau '*role model*' pada peringkat ini.


3. Iktikad Melahirkan Penghayatan.

Iktikad ini boleh dibentuk berdasarkan elemen perumpamaan menerusi contoh teladan yang baik daripada gaya hidup dan perlakuan harian dikalangan orang yang rapat hubungan dengan Allah s.w.t.. Golongan yang dikenali ulama ini tentunya mempunyai keupayaan tersendiri di dalam proses pengukuhan akidah dan berdasarkan kekukuhan iktikad. Iktikad ini adalah keyakinan yang tinggi berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan pengamalan yang dilaksanakan secara berterusan, ikhlas dan bermatlamat mencapai keredhaan Allah swt (Ahmad Munawar, 2009; Norsaleha, 2012).

PERBINCANGAN KESELURUHAN

Perincian kajian ini berdasarkan rajah seperti berikut.

Rajah 1 : Pengajaran akidah menerusi kesepaduan pendekatan Al-Quran dan Imam Ghazali



(Sumber: Al-Ghazali, 2006; Abd Malik Karim, 2014)

Bersandarkan gambaran rajah ini, kesepaduan pendekatan pengajaran akidah menerusi ayat al-Quran dan Imam Ghazali mempunyai persamaan dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang perlu disampaikan secara berhikmah, menggunakan kaedah nasihat, rehlah, bersoal jawab, pengulangan dan berbahas dengan berkesan. Pendekatan ini berupaya mengubah kefahaman akidah bagi tahap kanak-kanak daripada hanya mengetahui kepada tahap mengaplikasi, menganalisis, menilai, mencipta dan mengamalkan berdasarkan konteks asas akidah seperti rukun imam, rukun Islam dan perkara-perkara *sami' yat*.

Keseluruhan daripada perbincangan ini, penterjemahan pendekatan pendidikan akidah yang bersumberkan kitab suci Al-Quran sesuai diselaraskan dengan pendekatan menurut Imam Ghazali menerusi penterjemahan bagaimana isi kandungan pengajaran akidah ini dapat difahami dan dibentuk di dalam diri pelajar. Ini dapat dirangkumkan menerusi proses penerapan melalui tiga

peringkat iaitu menghafal, memahami dan menghayati. Pendekatan ini bersesuaian dengan elemen yang terdapat di dalam konsep pelaksanaan KBAT iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai, menstruktur kembali untuk mengambil pengajaran, mencipta, pengiktibaran dan peringatan daripada apa yang disebutkan. Ini seperti contoh peristiwa kemusnahan dan bencana azab yang berlaku terhadap umat-umat yang terdahulu. Apabila semua pendekatan ini diikuti, dihayati dan diterjemahkan melalui tindakan, kefahaman dan perlakuan seperti yang ditekankan oleh al-Quran dan Imam Ghazali, maka ianya akan menghasilkan pelajar yang mempunyai kekuatan akidah yang mantap dan berkualiti.

RUMUSAN

Rumusan secara menyeluruh daripada kajian yang dilaksanakan menunjukkan pendekatan yang digunakan al-Quran dan Imam Ghazali mampu dirangkumkan kepada kaedah pengajaran dan proses pengajaran iaitu bagaimana kaedah pengajaran yang betul akan membentuk proses pengajaran yang berstruktur dan berkesan. Maka gabungan daripada kedua elemen ini akan menepati kehendak dan kemampuan kanak-kanak untuk memahami, menghayati dan menjadikan ianya satu amalan seharian. Kesemua ini dihubungkan dengan kerangka elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) untuk di jadikan panduan di dalam membentuk asas penghayatan dan pengamalan serta membuktikan bahawa ayat suci al-Quran dan pendekatan Imam Ghazali menjadi pelopor serta pencetus kepada pengajaran akidah yang berkesan dan berkualiti.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Abdul Malik Karim (Prof Dr Hamka). (2014) *Tafsir Al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Nasional.
- Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam al-Ghazali: Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan. (2002). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.). Singapura; Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Ahmad Rejab al-Asmar. (2001). *An-Nabiyyu al-Murabbi*. Irbid Jordan: Dar al-Furqan li-An-Nasr Wa-Tauzi'.
- Ahmad Munawar Ismail. (2009). *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia*. (Tesis PHD). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Yunus bin Kasim. (2011). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes*. (Tesis PHD). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Yunus dan Ab Halim Tamuri. (2011). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2) 2010 13-30.

- Al-Duri, Qahtan ‘Abd al-Rahman. (2012). *Al-‘Aqidah al-Islamiyyah wa Madhahibuha*. Bayrut: Lebanon.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2005). *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Tahqiq: Muhammad Sa’id Muhammad. Qahirah: Dar al-Bayan al-‘Arabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad. (2006). *Kitab al-Arba’in fi Usul al-Din*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Imam Ibnu Kathir (2010). *Tafsir al-Quran al-‘Adziem* .cet. Dar al-Hadith (cetakan ke 9).
- Ibn Hajar al-‘As-Qalānī (1998), *Fatḥ al-Bārī Bisharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “*Kitāb al-Ta’bīr*”, No. hadith 6982, j. 12 (h. 430); Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Ibn Khaldun. (2009). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram. (2003). *Lisan al-‘Arab*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (Tesis PhD). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Norzi. (2014). *Pengajian Kitab Hadis Di Masjid-Masjid Di Selangor*. Bangi: Kolej Universiti Islam Selangor.
- Muhammad Atiyah, (1970). *Ruh al-Tarbiyah wa al-Ta’lim*, Saudi Arabia: Dar al-Ahya’, tth. 243.
- Norsaleha Mohd Salleh, Abd Halim Tamuri dan Salleh Amat. (2012). *Sumbangan Penghayatan Akidah terhadap Ketenangan Hati Remaja*. Bangi; Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Seri Hayati Husain. (2010). *Asas-Asas Akidah dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak menurut Perspektif Islam*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Zubaidah Mohamad Ali. (2005). *Keberkesanan Kaedah Soal Jawab Dalam Pengajaran Akidah*. (Disertasi). Fakulti Pendidikan; Universiti Malaya). Kuala Lumpur.
- Wahbah Az-Zuahily. (2009). *Tafsir Al-Munir Fil Aqidah Wasy-Syari’ah Wal Manhaj*. Beirut; Lebanon: Darul Fikr.
- Zuraidah Binti Ramdzan@Ramban. (2013). *Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR)*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.